



MyGDI NEWSLETTER

Malaysia Geospatial Data Infrastructure

■ Edisi No. 2

■ Disember 2015

■ www.mygeoportal.gov.my

■ facebook.com/mygeoportal

ISI KANDUNGAN

Kunjungan hormat YB Timbalan Menteri Sumber Asli & Alam Sekitar (NRE) ke MaCGDI

Halaman 1

Lawatan teknikal delegasi Kursus *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*, INSTUN

Halaman 2

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Clearinghouse MyGDI (JTCM) Bil. 1/2015

Halaman 3

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Framework MyGDI (JTFM) Bil. 1/2015

Halaman 4

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM) Bil. 1/2015

Halaman 5

Surat Pekeliling Pelaksanaan MyGDI 2014

Halaman 6 & 7

► KUNJUNGAN HORMAT YB TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR (NRE) KE MaCGDI



PUTRAJAYA, 8 Sept. - YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Infrastruktur Data

Geospasial Negara (MaCGDI) dan ketibaan YB Timbalan Menteri telah disambut mesra oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah bersama Timbalan-timbalan Pengarah dan Ketua-ketua Seksyen MaCGDI. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah MaCGDI diikuti dengan taklimat berkaitan MaCGDI dan program MyGDI.

Kunjungan ini bertujuan untuk meninjau dan mengenali dengan lebih dekat perkembangan geospasial oleh MaCGDI serta membincangkan hala tuju program MyGDI. Pertemuan ini telah memberi gambaran yang lebih jelas kepada YB Timbalan Menteri NRE mengenai program MyGDI yang merupakan program nasional dan dapat memberi manfaat secara keseluruhan kepada rakyat dan negara.

Sesi diteruskan dengan taklimat membincangkan hala tuju dan peranan MaCGDI sebagai penyelaras bagi menggalakkan perkongsian data geospasial antara agensi pembekal data diperingkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pertemuan ini telah menghasilkan satu titik pertemuan perbincangan dua hala antara pengurusan tertinggi NRE dan MaCGDI dalam usaha merakyatkan geospasial.

▶ LAWATAN TEKNIKAL DELEGASI KURSUS *MALYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)*, INSTUN



PUTRAJAYA, 9 Sept. - Lawatan teknikal delegasi Kursus *Malysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*, di bawah kelolaan pihak Institut Latihan Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) ke MaCGDI telah diketuai oleh En. Mohd Ashraf bin Mohd Nor, Pengarah INSTUN bersama seramai 19 delegasi kursus dari 13 buah negara dan 10 pegawai INSTUN. Tujuan lawatan ini untuk memberi pendedahan kepada para delegasi kursus berkaitan perkembangan program MyGDI di Malaysia.

Delegasi diberikan penerangan mengenai peranan MaCGDI selaku penyelaras dalam pengumpulan data geospasial di Malaysia bagi menggalakkan perkongsian data antara agensi. Pembentangan aplikasi 1Malaysia Map, MyGOS dan MyGeoname telah disampaikan oleh pegawai MaCGDI.

Delegasi terdiri daripada negara yang mempunyai pelbagai latar belakang iaitu Indonesia, Thailand, Filipina, Myanmar, Vietnam, Iran, Malawi dan Emiriah Arab Bersatu yang turut berkongsi pengalaman serta perkembangan

geospasial di negara mereka. Secara umumnya, setiap negara mempunyai program *Spatial Data Infrastructure (SDI)* tersendiri dan mempunyai tujuan yang sama bagi menggalakkan perkongsian maklumat geospasial dan mengurangkan pertindihan kos dalam kerja penawanan data.

Justeru, lawatan ini telah memberi ruang kepada komuniti SDI antarabangsa dalam meningkatkan lagi kerjasama, sumbangan buah fikiran dan pertukaran idea bagi menjamin perkembangan SDI secara berterusan.

- ◆ INSTUN merupakan satu-satunya institusi latihan di Malaysia yang telah diberi mandat serta tanggungjawab untuk melatih kakitangan yang terlibat dalam urusan pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan.

INSTUN diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada tahun 2004 yang sebelum itu di bawah Pengurusan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK) .


► MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL CLEARINGHOUSE MyGDI (JTCM) BIL. 1/2015



LANGKAWI, 11 Nov. - Mesyuarat tahunan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Clearinghouse MyGDI (JTCM) di bawah program MyGDI yang dipengerusikan oleh Pengarah MaCGDI telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi, Kedah. Seramai 19 wakil terdiri dari 11 buah negeri iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Sabah, Perak, Johor, Melaka, Pulau Pinang, Selangor, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah hadir ke mesyuarat ini bagi membincangkan hala tuju Clearinghouse dalam pembangunan dan pelaksanaan MyGDI.

Status kemajuan aktiviti Clearinghouse MyGDI bermula dari Disember 2014 sehingga November 2015 di bawah Program MyGDI serta perancangan bagi tahun 2016 turut dibentangkan. Kemajuan meliputi perkembangan Clearinghouse di agensi dan negeri.

Di antara intipati yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah cadangan pelaksanaan pengurusan dan pengoperasian Clearinghouse MyGDI negeri secara *cloud computing*. Pihak MaCGDI turut mengambil peluang untuk sesi pembentangan aplikasi MyGDI Explorer – Katalog Metadata, MyGOS dan 1Malaysia Map kepada ahli mesyuarat.



- ◆ JTCM bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) dalam:
 - Menggubal polisi dan garis panduan berkaitan operasi Clearinghouse MyGDI;
 - Menentukan keperluan sumber bagi pembangunan dan operasi Clearinghouse MyGDI;
 - Memastikan penerbitan metadata dan data geospasial lengkap dan terkini; dan
 - Menyelaras dan memantau aktiviti penggunaan dan operasi Clearinghouse MyGDI.

► MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL FRAMEWORK MyGDI (JTFM) BIL. 1/2015



LABUAN, 12-13 Nov. - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Framework MyGDI (JTFM) Bil. 1/2015 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Cemerlang, Wisma Perbadanan Labuan, Sabah. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sr Hasan bin Jamil, Timbalan Ketua Pengarah Ukur I, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Tujuan mesyuarat ini untuk membincangkan perkara-perkara semasa mengenai pembangunan data fundamental, membentangkan laporan aktiviti-aktiviti framework agensi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 serta perancangan yang akan dijalankan pada tahun 2016.

Seramai 37 orang pegawai dari 25 buah agensi telah hadir pada mesyuarat tersebut. YBhg. Dato' Pengerusi melahirkan rasa syukur atas komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua agensi dalam menjayakan pembangunan *Geospatial Data Centre* (GDC). Hal ini bersesuaian dengan visi dan matlamat GDC untuk menjadi platform dalam menyediakan sumber data geospasial asas yang berkualiti dan berintegriti melalui satu titik capaian (*single access point*) dapat dicapai melalui perkongsian data dan maklumat geospasial di kalangan agensi di bawah program MyGDI.

Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat telah dibentangkan oleh wakil dari Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP), JUPEM. Pihak MaCGDI turut mengambil peluang untuk memperkenalkan aplikasi MyGeotranslator dan diteruskan dengan pembentangan mengikut kategori data seperti berikut:

1. Kategori *Special Use, Built Environment, Hypsography* dan *General* oleh JUPEM;
2. Kategori *Demarcation* oleh JUPEM;
3. Kategori *Utility* oleh JUPEM;
4. Kategori *Transportation* oleh Kementerian Kerja Raya (KKR);
5. Kategori *Hydrography* oleh Pusat Hidrografi Nasional (PHN);
6. Kategori *Vegetation* dan *Soil* oleh Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia (DOA); dan
7. Kategori *Geology* oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

◆ Fungsi JTFM:

- Membantu di dalam penggubalan dan pembangunan data framework MyGDI;
- Menyediakan polisi dan panduan di dalam memastikan keberkesanan data framework MyGDI;
- Menyelaras aktiviti ahli-ahli framework; dan
- Menyelaras latihan dan pembangunan sumber manusia.

► MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD MyGDI (JTSM) BIL. 1/2015



KUCHING, 17 Nov. - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM) merupakan mesyuarat tahunan yang dipengerusikan oleh Pengarah MaCGDI. Tujuan mesyuarat bagi memaklumkan mengenai kemajuan aktiviti-aktiviti pembangunan standard dan geospasial bagi tempoh 11 November 2014 sehingga 17 November 2015 serta perancangan bagi tahun 2016. Mesyuarat berlangsung di Bilik Gerakan Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS), Bangunan Sultan Iskandar, Kuching, Sarawak.

JTSM berperanan dalam mengetuai dan menyelaras pembangunan Standard Malaysia berkaitan maklumat geospasial. Antara aktiviti-aktiviti standardisasi dalam bidang maklumat geospasial yang dijalankan oleh JTSM sepanjang tahun 2015 adalah tertumpu kepada perkara-perkara berikut:

- Mesyuarat-mesyuarat Standard;
- Standardisasi Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah – *Unique Parcel Identifier* (UPI);
- Penyelarasan Pemakaian *Malaysian Standard for Geographic Information/Geomatics - Feature and Attribute Codes* (MS 1759:2015);
- Penyelarasan Standard Pemakaian Kod dan Warna Simbol;
- Standardisasi dan Pelaksanaan Pemakaian *Malaysian Metadata Standard* (MMS);
- Kajian Dokumen MS ISO 19115:2011 - *Part 2 (Imagery & Gridded Data)* bagi Penyediaan *Malaysian Metadata Standard Profile* (MMSP);
- Penyediaan Dokumen Garis Panduan Spesifikasi Produk Data Geospasial; dan
- Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2014 – Panduan Pemakaian Standard Maklumat Geospasial kepada semua agensi.

Aktiviti yang melibatkan pembangunan standard bagi maklumat geografi di negara ini dijalankan secara sistematik. Kerjasama dan sokongan yang konsisten daripada semua pembekal dan pengguna maklumat geospasial sangat membantu bagi penyediaan standard. Penggunaan standard dalam dokumen penghasilan produk berkaitan geospasial dapat meningkatkan lagi kualiti dan keyakinan pengeluaran produk agensi.

- ◆ Objektif utama jawatankuasa ini ialah untuk membangunkan standard untuk perkongsian data geospasial termasuk metadata.

► SURAT PEKELILING PELAKSANAAN MyGDI 2014: PENYERAGAMAN NAMA GEOGRAFI

PENGENALAN


Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) pada tahun 2002 bagi menyelaraskan aktiviti penentuan nama geografi. Dalam hubungan ini, JKNG telah membangunkan Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan (PDNG) dan menerbitkan Garis Panduan Penentuan Nama Geografi pada tahun 2005 yang telah menjadi *Malaysian Standard MS 2256:2009, Geographic Information - Guidelines for the Determination of Geographical Names* pada tahun 2009.

Dokumen MS 2256:2009 adalah dokumen rujukan untuk penentuan penamaan baru atau pindaan nama geografi sedia ada. Ia menjelaskan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi dalam urusan penamaan tempat berserta prosedur yang berkaitan. PDNG pula merupakan bank data yang menyimpan nama-nama geografi, lokasi, sejarah dan notifikasi gazetir yang telah disahkan dan diperakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan untuk kegunaan kerajaan dan pengguna awam.

Standardisasi bagi penyeragaman nama geografi menjadi bertambah penting disebabkan keperluan rujukan yang berkaitan dengan pembangunan sistem komunikasi, pengangkutan, carta & peta yang berkejituan tinggi dan lain-lain. Nama geografi yang standard juga dapat menjadi identiti dan menyerlahkan budaya, warisan dan landskap.

Pengendalian urusan-urusan tertentu akan menjadi lebih teratur sekiranya menggunakan nama-nama geografi yang standard dan dapat memenuhi keadaan-keadaan berikut:

- Apabila nama yang berlainan digunakan bagi sesuatu tempat yang sama;
- Apabila nama yang sama digunakan bagi tempat yang berlainan;
- Apabila nama bagi sesuatu entiti dieja dengan cara yang berlainan; dan
- Apabila nama yang diberikan bagi sesuatu ciri dibuat dengan cara yang tidak sewajarnya.



- ◆ Polisi dan garis panduan merupakan komponen penting bagi tujuan pengurusan dan penyelarasan maklumat geospasial dalam pembangunan dan pelaksanaan program MyGDI. Dalam hal ini, beberapa surat pekeliling dan garis panduan berkaitan pelaksanaannya telah dikeluarkan melalui Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK). Ia meliputi perkara-perkara berkenaan penentuan harga dan penyebaran data geospasial, pembangunan dan pelaksanaan MyGDI, custodianship bagi data geospasial, pembangunan dan pelaksanaan Pusat Data Geospasial (GDC), perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial serta pemakaian standard maklumat geospasial.

► **SAMBUNGAN: SURAT PEKELILING PELAKSANAAN MyGDI 2014: PENYERAGAMAN NAMA GEOGRAFI**

PANDUAN PENENTUAN DAN PEMAKAIAN NAMA GEOGRAFI



Satu aplikasi bagi menyimpan nama geografi yang dikenali sebagai **MyGeoName** boleh dicapai melalui laman web www.mygeoportal.gov.my. Ia dibangunkan bertujuan memberikan maklumat autoritatif berkaitan lokasi dan ejaan nama-nama geografi serta menyimpan nama-nama geografi, lokasi, sejarah dan notifikasi gazetir yang sah untuk kegunaan kerajaan dan pengguna awam.

Penggunaan standard nama geografi sedia ada adalah untuk mendapatkan nama-nama geografi yang betul dan tepat dari segi nama lokasi dan ejaannya dengan merujuk kepada MyGeoName.

Sementara itu, nama geografi baru dan pindaan nama sedia ada perlu mematuhi prinsip-prinsip dalam dokumen MS 2256:2009 seperti berikut:

- Prinsip 1:** Nama yang rasmi atau dibenarkan
- Prinsip 2:** Nama di bawah bidang kuasa pihak berkuasa
- Prinsip 3:** Nama oleh agensi lain
- Prinsip 4:** Bahasa rasmi
- Prinsip 5:** Bentuk bahasa dan terjemahan
- Prinsip 6:** Ejaan dan sebutan
- Prinsip 7:** Bentuk dan sifat sesuatu nama
- Prinsip 8:** Keseragaman dalam ejaan nama
- Prinsip 9:** Nama yang lazim digunakan oleh masyarakat
- Prinsip 10:** Penggunaan nama orang
- Prinsip 11:** Menamakan sesuatu entiti geografi Berdasarkan batas geografi yang telah dikenal pasti
- Prinsip 12:** Pertimbangan untuk menamakan entiti geografi yang belum bernama
- Prinsip 13:** Duplikasi nama
- Prinsip 14:** Perubahan nama
- Prinsip 15:** Penggunaan unsur keterangan
- Prinsip 16:** Nama entiti geografi yang kecil
- Prinsip 17:** Nama generik
- Prinsip 18:** Nama lain atau tidak rasmi
- Prinsip 19:** Nama berbentuk singkatan dan nombor
- Prinsip 20:** Entiti geografi hidrografi luar pesisir
- Prinsip 21:** Nama negara luar

Penyeragaman nama geografi ini termasuklah proses semakan bagi setiap butiran berpandukan singkatan atau nama geografi. Semakan ini juga merangkumi penggunaan huruf besar dan kecil, nama singkatan yang digunakan dan kata nama khas.

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI),
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASU,
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62574 PUTRAJAYA.
TEL.: 03 - 8886 1156
FAX.: 03 - 8889 4851
Website: www.mygeoportal.gov.my

